

U B266 DEB  
LEAD HUSSEIN - MAHATHIR (MENGANTIKN BERITA AWAL)

KUALA LUMPUR, 29 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA NEGARA TELAH KEHILANGAN SEORANG PEMIMPIN DAN NEGARAWAN DENGAN KEMATIAN TUN HUSSEIN ONN HARI INI.

BELIAU BERKATA SUMBANGAN BAKTI DAN KHIDMAT ALLAHYARHAM TUN HUSSEIN ONN KEPADA NEGARA TIDAK TERNILAI.

PERDANA MENTERI BERKATA SUMBANGAN DAN JASA TUN HUSSEIN KEPADA NEGARA BUKAN SAHAJA TERHAD KEPADA BIDANG POLITIK TETAPI JUGA DALAM BIDANG-BIDANG LAIN.

BELIAU BERKATA WALAUPUN SETELAH BERSARA DARIPADA KERAJAAN, ALLAHYARHAM TELAH MELUANGKAN MASA DAN TENAGA UNTUK MEMBERI BUAH FIKIRAN DAN PANDANGAN.

+SEMENJAK BERSARA DARIPADA JAWATAN PERDANA MENTERI, ALLAHYARHAM TELAH MENJADI PENASIHAT PETRONAS DAN PENERUSI ISIS. ALLAHYARHAM JUGA PERNAH BERKHIDMAT DALAM BIDANG KETENTERAAN DAN GUAMAN. SESUNGGUHNAYA SUMBANGAN BAKTI DAN KHIDMAT ALLAHYARHAM KEPADA NEGARA TIDAK TERNILAI,+ KATANYA DALAM KENYATAAN YANG DIKELUARKAN OLEH JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI.

TUN HUSSEIN, PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KETIGA, MENINGGAL DUNIA DI SAN FRANCISCO, AMERIKA SYARIKAT, PUKUL 7.15 PAGI INI WAKTU MALAYSIA KERANA SAKIT JANTUNG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU SENDIRI TELAH BANYAK MENERIMA NASIHAT, BIMBINGAN DAN PANDANGAN DARIPADA ALLAHYARHAM TUN HUSSEIN. -- LAGI.

1415MST 29 05 90

U B267 DEB  
LEAD HUSSEIN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU DAN ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI BERASA AMAT SEDIH DAN TERHARU ATAS KEMBALINYA TUN HUSSEIN KE RAHMATULLAH.

KATANYA, ALLAHYARHAM TELAH BANYAK BERKORBAN DAN MENYUMBANGKAN KHIDMAT BAKTI KEPADA NEGARA.

PENGORBANAN DAN PERJUANGAN ALLAHYARHAM DALAM BIDANG POLITIK DAN PENTADBIRAN KERAJAAN MERUPAKAN SUMBER INSPIRASI DAN TELADAN KEPADA RAKYAT MALAYSIA, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYAMPAIKAN UCAPAN TAKZIAH BAGI PIHAK KERAJAAN KEPADA ISTERI ALLAHYARHAM, TOH PUAN SUHAILA, ANAK-ANAK SERTA ANGGOTA KELUARGA TUN HUSSEIN DAN BERHARAP MEREKA BERSABAR MENGHADAPI KESEDIHAN ITU.

+SAYA BERDOA SEMOGA ROH ALLAHYARHAM SENTIASA DICUCURI RAHMAT DAN DITEMPATKAN DI SISI ORANG-ORANG YANG MULIA,+ KATA PERDANA MENTERI. -- BERNAMA.

1417MST 29 05 90